

21 MAY 2001

Isa-Siswa

KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS BERI PENERANGAN KEPADA SISWA

PORT DICKSON, 21 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri akan memberi penjelasan yang tepat kepada siswa dari semasa ke semasa mengenai sesuatu isu dan perkembangan semasa negara menerusi majlis perjumpaan, dialog dan sebagainya.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata untuk tujuan itu kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Kita akan menjelaskan menerusi fakta yang tepat. Saya percaya sebahagian daripada penuntut kita masih samar mengenai sesuatu isu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar jati diri siswa Negeri Sembilan anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Sembilan di sini hari ini.

Katanya, adalah penting bagi para siswa mengetahui mengenai perkembangan semasa negara dan dunia tetapi mereka mesti mengetahui fakta sebenar.

Menurutnya, sebagai siswa mereka tidak boleh bercakap sesuatu tanpa fakta dan mengikut perasaan kerana jika tidak, kredibiliti mereka sebagai siswa akan dipersoalkan.

Seminar tiga hari bermula semalam disertai 78 orang mahasiswa baru di IPTA dari negeri ini.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kaum Cina Sabah kini boleh menjadi anggota Umno bagi menampung anggota Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dibubarkan semalam, Mohamed Isa berkata itu keputusan yang baik kerana ia akan memperkuatkan lagi Umno Sabah.

Dr Mahathir semasa mengisytiharkan pembubaran Akar secara rasmi semalam berkata perlembagaan parti itu tidak perlu dipinda kerana kelonggaran yang membenarkan kaum Cina menganggotai Umno terhad kepada Sabah sahaja.

Beliau berkata kelonggaran yang diberikan kepada kaum Cina Sabah itu juga tidak akan menjejaskan keanggotaan parti komponen Barisan Nasional yang lain.

-- BERNAMA

RP APG FAZ